



EDAR...Tengku Adnan (tiga dari kiri) menyampaikan risalah promosi Tahun Melawat Malaysia 2007 kepada pemandu kereta di Plaza Tol Sungai Besi. **METRO**

Bah: Promosi tarik pelancong terjejas

KUALA LUMPUR: Banjir besar yang melanda Johor dan Melaka mungkin menjejaskan promosi dan kedatangan pelancong terutama dari Singapura dan Indonesia yang memasuki negara ini menerusi negeri berkenaan, sepanjang Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM 07).

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor, berkata banjir yang belum reda turut memaksa Kementerian menangguh program promosi bagi mengedarkan risalah serta kalendar acara sepanjang TMM 07 yang bakal diadakan di Plaza Tol Tebrau, Johor hari ini.

Katanya, kementerian memperuntukkan RM200 juta untuk pelbagai promosi dengan mensasarkan 20.1 juta pelancong asing melancong ke negara ini dan perolehan pendapatan kira-kira

RM44.5 bilion sepanjang tahun depan.

“Sebahagian daripada peruntukan itu diagihkan kepada Majlis Tindakan Pelancongan negeri untuk mengadakan promosi berasingan supaya limpahan pelancong dinikmati penduduk di kawasan luar bandar.

“Pelancaran promosi TMM 07 akan diadakan di Taman Tasik Titiwangsa dan dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada 6 Januari depan,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan risalah dan bimbingan kepada pemandu kenderaan di Plaza Tol Sungai Besi di sini, semalam.

Kira-kira 70,000 risalah pelancongan akan diedarkan sepanjang kempen itu, termasuk di Plaza Tol Bukit Kayu Hitam, Kedah, hari ini.

>Kembali beroperasi

KUALA LUMPUR: Empat perkhidmatan kereta api Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad yang ditangguhkan berikutan banjir di beberapa negeri sejak beberapa hari lalu, membolehkan laluan Kuala Lumpur-Singapura dan Tumpat-Singapura kembali beroperasi seperti biasa mulai hari ini.

Perkhidmatan itu meliputi Ekspres Senandung Malam Kuala Lumpur-Singapura, Ekspres Senandung Malam Singapura-Kuala Lumpur, Ekspres Timuran Tumpat-Singapura dan Ekspres Timuran Singapura-Tumpat.

Sehubungan itu, Ekspres Wau Kuala Lumpur-Tumpat dan Tumpat-Kuala Lumpur sudah mula beroperasi mengikut jadual semalam.

Manakala empat perkhidmatan pagi hari ini masih dibatalkan.

Jadual yang dibatalkan Ekspres Rakyat Kuala Lumpur-Singapura, Ekspres Rakyat Singapura-Kuala Lumpur, Ekspres Sinaran Pagi Kuala Lumpur-Singapura dan Ekspres Sinaran Petang Singapura-Kuala Lumpur.

Maklumat lanjut, hubungi talian 03-22671200 (7 pagi - 10 malam) atau stesen antarabandar KTM.